

**Sidang Akhbar Bersama YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri Malaysia Dan TYT Recep Tayyip Erdogan,
Presiden Turkiye**

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 07/07/2022

SIDANG AKHBAR BERSAMA

**YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB,
PERDANA MENTERI MALAYSIA
DAN
TYT RECEP TAYYIP ERDOGAN,
PRESIDEN TURKIYE**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Saya ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama (TYT) Presiden Recep Tayyip Erdoğan, di atas jemputan untuk saya mengadakan lawatan rasmi ke Turkiye.

2. Saya amat menghargai layanan istimewa yang telah diberikan kepada saya dan delegasi Malaysia sepanjang lawatan ini.

3. Saya kagum dengan pembangunan pesat Türkiye di bawah kepimpinan TYT Presiden. Kini, Turkiye merupakan negara terulung di peringkat serantau dan antarabangsa.

4. Tahniah kepada TYT Presiden di atas penerimaan permohonan pertukaran nama Turki kepada Turkiye yang telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini.

5. TYT Presiden dan saya telah mengadakan perbincangan yang produktif dan membuahkan hasil yang memberangsangkan.

6. Ini bertepatan dengan usaha kita untuk memperkukuh serta meningkatkan hubungan dan kerjasama Malaysia-Turkiye ke tahap yang lebih komprehensif dan strategik.

HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-TURKIYE

7. Tahun ini merupakan ulangtahun ke-58 hubungan diplomatik Malaysia-Turkiye.

8. Pada tahun 2014, semasa lawatan TYT Erdogan ke Kuala Lumpur, Malaysia dan Turkiye telah melancarkan Kerangka Kerjasama Strategik.

9. Pada hari ini, TYT Presiden dan saya telah bersetuju supaya kerjasama Malaysia-Turkiye ditingkatkan ke tahap perkongsian strategik komprehensif.

10. Ini memandangkan skop kerjasama telah berkembang meliputi pelbagai sektor seperti ekonomi, pendidikan, keselamatan makanan, pelancongan, perbankan Islam dan industri pertahanan. Kerjasama ini akan terus dikembangkan untuk manfaat bersama.

11. Di sini, saya berbesar hati untuk berkongsi dengan rakan-rakan kami dari Media intipati beberapa isu utama perbincangan kami sebentar tadi:

KERJASAMA EKONOMI

12. TYT Presiden dan saya juga membincangkan secara mendalam mengenai keperluan untuk memperkukuh kerjasama ekonomi Malaysia-Türkiye.

Sekuriti Makanan

13. Kami bersetuju bahawa isu keselamatan makanan kian meruncing akibat daripada pandemik COVID-19. Malah, kini menjadi semakin kritikal ekoran konflik di Ukraine.

14. Dalam konteks ini, Malaysia dan Türkiye bersetuju untuk bekerjasama bagi memastikan rantai bekalan makanan sentiasa mencukupi dan stabil.

15. Antara langkah segera bagi mendepani isu ini, Malaysia dan Türkiye akan meningkatkan perdagangan produk makanan, dan akan terus menjalankan kerjasama yang meliputi perkongsian maklumat serta pengalaman.

16. Pada masa yang sama, Malaysia dan Türkiye akan memperkasakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor makanan, bagi meningkatkan keupayaan menghasilkan

sumber makanan dan kelangsungan sekuriti makanan untuk berada pada tahap yang stabil.

17. Kerjasama strategik Malaysia-Turkiye ini merupakan langkah signifikan kedua negara dalam menyokong usaha masyarakat antarabangsa ke arah membina ketahanan rantai bekalan makanan global.

Perdagangan

18. Malaysia-Türkiye mempunyai potensi yang sangat besar dari segi perdagangan. Dalam mengimbangi perdagangan dua hala, TYT Presiden dan saya turut menyentuh tentang potensi Malaysia, bukan sahaja sebagai rakan dagang utama, sebaliknya Malaysia sebagai pintu masuk dan hab perdagangan ASEAN.

19. Kedua-dua negara kini berada dalam pusingan akhir perluasan skop Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turkiye (MTFTA) yang meliputi bidang-bidang baharu seperti pelaburan, perkhidmatan dan e-dagang.

Pelaburan

20. Dari segi pelaburan, saya menghargai keyakinan para pelabur Türkiye di Malaysia. Saya juga yakin perluasan MFTFA akan membuka lebih banyak peluang pelaburan dua hala.

21. Semasa di Istanbul dua hari lepas, saya telah mengambil peluang untuk bertemu dengan pemain utama industri kedua-dua negara untuk meneroka dan meningkatkan kerjasama pelaburan.

22. Terima kasih kepada TYT Presiden dan Kerajaan Türkiye kerana membuka peluang pelaburan kepada pelabur-pelabur dari Malaysia.

23. Pada masa ini, pelaburan utama Malaysia di Türkiye meliputi sektor kesihatan, tenaga dan sebagai pengendali operasi lapangan terbang.

24. Pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gökçen oleh Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB), adalah bukti kejayaan syarikat Malaysia di Türkiye.

Minyak Sawit

25. Kami turut membincangkan potensi untuk Turkiye meningkatkan import minyak sawit Malaysia. Turkiye merupakan hab pembuatan produk berasaskan sawit untuk pasaran benua Eropah dan Asia Tengah.

26. Saya difahamkan Turkiye sedang mempergiatkan penggunaan biodiesel sebagai bahan bakar dalam sektor pengangkutan. Malaysia telah memulakan pengeluaran biodiesel berasaskan minyak sawit. Ini selaras dengan matlamat Malaysia dalam menghasilkan sumber tenaga mesra alam.

Kewangan Islam

27. TYT Presiden dan saya bersetuju supaya Malaysia dan Turkiye menubuhkan perbankan digital Islam bagi meneroka potensi besar Turkiye dalam sektor ini.

Pendidikan

28. Alhamdulillah, saya telah menyampaikan berita baik kepada TYT Presiden bahawa Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf ijazah daripada 208 universiti di Turkiye.

29. Saya yakin, ini akan meningkatkan produk-produk penyelidikan bertaraf antarabangsa dari universiti kedua-dua negara. Tambahan lagi, ia adalah khabar yang dinanti-nantikan oleh anak-anak Keluarga Malaysia yang telah dan sedang menimba ilmu di negara ini.

Industri Pertahanan

30. Saya telah memaklumkan TYT Presiden bahawa dalam rangka lawatan ini, saya turut berpeluang mengadakan pertemuan dan lawatan dengan beberapa pemain industri pertahanan di Turkiye.

31. TYT Presiden dan saya akui kerjasama industri pertahanan antara kedua-dua negara perlu dipertingkatkan.

ISU-ISU SERANTAU DAN ANTARABANGSA

32. TYT Presiden dan saya turut membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa.

Palestin

33. Malaysia dan Türkiye bersependapat berhubung sokongan berterusan kepada perjuangan Palestin. Malaysia menghargai pendirian dan usaha Türkiye dalam membela rakyat Palestin.

34. Kedua-dua negara bersama like-minded countries akan terus menyelaraskan usaha ke arah menamatkan pendudukan rejim Zionis dan merealisasikan Palestin sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Konflik di Ukraine

35. Mengenai konflik berpanjangan di Ukraine, saya memuji usaha TYT Presiden untuk mencari jalan perdamaian bagi mengakhiri konflik ini.

36. Kami berdua bersetuju agar semua pihak yang terlibat mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan konflik yang menggugat keamanan sejagat.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/07/sidang-akhbar-bersama-yab-dato-sri-ismail-sabri-yaakob-perdana-menteri-malaysia-dan-tyt-recep-tayyip-erdogan-presiden-turkiye/>